

Ghulam Dakwah

Pengajaran Dari Sudut
Dakwah

كَانَ مَلِكٌ فِيمَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ وَكَانَ لَهُ سَاحِرٌ²⁸

"Di zaman sebelum kamu ada seorang raja yang mempunyai seorang ahli sihir"

- ◆ Tidak disebut masa, tempat dan nama peribadi; agar pengajarannya kekal tidak terbatas.
- ◆ "Sebelum kamu" ; Pentingnya menghubungkan antara realiti kini dan pengalaman (dakwah) lalu.
- ◆ Sistem pemerintahan yang rosak:
 1. Hawa nafsu ; jahil & tidak nampak kebenaran
 2. Kezaliman ; Paksaan & penguasaan ke atas tubuh badan

فَلَمَّا كَبِرَ قَالَ لِلْمَلِكِ إِنِّي قَدْ كَبِرْتُ فَأَبْعَثْ إِلَيَّ غُلَامًا أَعْلَمُهُ السِّحْرَ
فَبَعَثَ إِلَيْهِ غُلَامًا يُعَلِّمُهُ

"Apabila ahli sihir tersebut telah tua, dia berkata kepada raja: Usiaku telah lanjut, berilah kepadaku seorang budak untuk aku ajarkan kepadanya sihir. Maka diberikan kepadanya seorang budak untuk diajarkannya ilmu sihir."

أَنْظُرُوا لِي غُلَامًا فَهَمًّا أَوْ قَالَ فَطِنًا لَقِينًا

Dalam riwayat Tarmizi:

"Carilah untukku seorang budak yang mudah memahami atau dia berkata: yang cerdas dan cepat faham"

Kefahaman

- ◆ Keperihatinan ahli sihir terhadap kelangsungan ilmu sihirnya agar tidak tamat dengan kematiannya.
- ◆ Ahli sihir minta budak yang cerdas; setiap tugas mempunyai ciri-ciri khusus yang menuntut kelayakan tertentu kepada orang yang akan memikulnya.

Pengajaran Dari Sudut Dakwah

Pertama:

- ◆ Musuh sentiasa bekerja bersungguh-sungguh dan mempunyai perancangan rapi untuk menjayakan kebatilan mereka.
- ◆ Di manakah muslimin dalam hal ini? Realiti yang menyedihkan: zalim, fasik, maksiat, jahil, tidak ambil peduli, sibuk bercakap tanpa amal, daie yang sedikit dan bercakaran sesama sendiri.
- ◆ Sesungguhnya bekerja untuk agama ini, berkorban dan berjihad demi Islam dan kalimah Allah adalah kewajiban terbesar.

Wahai orang-orang yang beriman, mahukah Aku tunjukkan kepada kamu suatu perniagaan yang akan menyelamatkan kamu dari azab yang pedih? (Iaitu) kamu beriman kepada Allah dan rasulNya serta kamu berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan diri kamu. Itulah yang lebih baik ... (Surah Sof ayat 10 - 14)

Pengajaran Dari Sudut Dakwah

Kedua:

- ◆ Peranan generasi muda dalam membawa risalah dakwah dan perubahan adalah terlalu besar kerana

1. Ada kemampuan untuk menerima, belajar dan ditarbiyah.
2. Mudah mengubah tradisi, adat dan kefahaman lama.
3. Kemampuan tenaga dan semangat yang tinggi

“Sesungguhnya fikrah akan berjaya apabila keyakinan kepadanya kuat, keikhlasan dalam membawanya sempurna, semangat dalam memperjuangkannya tinggi dan adanya kesediaan untuk berkorban dan bekerja demi merealisasikannya. Keempat-empat rukun ini iaitu keyakinan, keikhlasan, semangat dan bekerja hampir-hampir semuanya milik pemuda. Ini kerana asas keyakinan ialah akal yang cepat memahami, asas ikhlas ialah hati yang bersih, asas semangat ialah kuat kehendak dan asas bekerja ialah muda keazaman. Kesemua ini tidak dimiliki kecuali oleh pemuda” -Hasan al-Banna.

فكان في طريقه إذا سلك راهب فقعد إليه وسمع كلامه

“Di perjalanannya menuju kepada ahli sihi terdapat seorang rahib, maka budak itu singgah dan mendengar ajarannya”.

Dalam riwayat Tarmizi:

“Di perjalanan, terdapat seorang rahib yang beribadat di dalam rumah ibadatnya. Ma’mar (salah seorang perawi hadith ini) berkata: Mereka yang berada di dalam rumah ibadat itu adalah golongan muslimin. Baginda bersabda lagi: Ini menjadikan budak itu sentiasa bertanya rahib tersebut setiap kali dia melaluinya. Keadaan tersebut berterusan sehinggalah rahib menceritakan kepadanya: Sesungguhnya aku menyembah Allah. Baginda bersabda lagi: Ini menjadikan budak itu duduk singgah di sisi rahib”.

Analisa

Bagaimanakah hubungan antara rahib dan ghulam mula terjalin?

Ada beberapa kemungkinan:-

1. Ghulam mungkin memerlukan pertolongan di dalam perjalanan, maka sirahib tolong dan melayannya dengan baik. Ghulam senang hati dengan akhlak rahib, maka ia mula tertarik dan mendengar ajaran rahib.
2. Rahib sentiasa memerhatikan ghulam yang berulang-alik setiap hari. Ia bertanyakan orang ramai tentang ghulam. Ia merancang untuk berkenalan dengan ghulam.
3. Ghulam sendiri yang mahu mendekati rahib kerana mahu mengetahui ajarannya setelah mendengar banyak tohmahan orang ramai tentang ajaran rahib.

Pengajaran Dari Sudut Dakwah:-

1. Daie wajib berakhlak mulia. Jika tidak, orang ramai akan menjauhi daie, atau menentang dakwah.
2. Daie wajib menggunakan peluang yang ada untuk membina hubungan dan memperkukuhkannya demi kepentingan dakwah.
3. Daie tidak perlu berasa susah hati jika dilontar dengan pelbagai tohmahan, kerana ia boleh bertukar menjadi sokongan apabila hakikat sebenar dan akhlaknya diketahui.
4. Daie hendaklah memilih anasir-anasir terbaik, yang mempunyai ciri-ciri yang menonjol, peribadi terbilang sebagai sasaran dakwah dan seterusnya bersungguh-sungguh mentarbiah mereka.

5. Rahib telah menggunakan cara dakwah fardiah untuk menyampaikan dakwahnya. Antara keistimewaannya ialah:

1. Sesuai di dalam semua keadaan; aman atau tekanan.
2. Hubungan kuat antara daie dan mad'u
3. Sebagai hasil dakwah umum
4. Sesuai dari sudut keselamatan.
5. Pengalaman unik berbeza dakwah umum.
6. Daie boleh menilai mad'u secara detail.
7. Kualiti & kuantiti lebih terjamin.
8. Peluang untuk menjawab persoalan atau kekeliruan.

6. Pembinaan pertama bagi mad'u hendaklah dilakukan sebagaimana menjaga tanaman – tidak dihebohkan dan tidak didedahkan kepada cabaran seperti melaksanakan tugas dakwah kecuali dalam bentuk latihan.
7. “Bukanlah setiap yang diketahui diperkatakan, bukanlah setiap yang diperkatakan telah sampai masanya, bukanlah setiap yang telah sampai masanya dihadiri oleh orang yang sepatutnya hadir”.

إذا أتى السّاحر مرّ بالراهب وقعد إليه فإذا أتى السّاحر
فكان ضربه فشكا ذلك إلى الرّاهب فقال إذا خشيت
السّاحر فقل حبسني أهلي وإذا خشيت أهلك فقل حبسني
السّاحر

“Setiap kali ghulam mendatangi ahli sihir, dia akan melalui rahib dan bertemu dengannya. Apabila dia mendatangi ahli sihir maka dia dipukul. Lalu dia mengadu perkara tersebut kepada rahib. Rahib menjawab: Apabila kamu takut kepada ahli sihir, maka katakanlah: Keluargaku menyebabkan aku terlewat. Apabila kamu takut kepada keluargamu, maka jawablah: Ahli sihir menyebabkan aku pulang lewat”.

Kefahaman

- Hendaklah bersabar, bersungguh-sungguh, sanggup bersusah payah untuk belajar atau mengenali dakwah. Ghulam singgah dua kali sehari.
- Ambil berat bab tarbiah hingga ghulam dipukul kerana kelewatannya.
- Ujian adalah sebahagian daripada bentuk pesediaan. Nilai dakwah adalah terlalu mahal.
- Bijak memberikan keuzuran kepada yang berhak.
- Sekalipun dipukul, ghulam tidak mendedahkan hubungannya dengan rahib; menunjukkan tarbiyah mendalam dan mantap.
- Daie mesti menyelesaikan masalah-masalah tanpa menggadaikan aktiviti yang telah disusun.

Pengajaran Dari Sudut Dakwah:-

1. Pertemuan pertama mengajar, kedua menjawab kekeliruan. Penting memahami suasana mad'u.
2. Hubungan dua hala:
 1. Mad'u Daie
 1. Mad'u memberitahu keadaan dirinya (Istisyar).
Jika tidak kemungkinan:
 1. Ghulam tidak sanggup menanggung maka hubungan terputus.
 2. Ghulam akan bertindak sendiri yang mungkin mendatangkan bahaya.

2. Daie Mad'u

- Daie sepatutnya hidup “bersama-sama mad'u”. Kerja-kerja tarbawi bukanlah sekadar halaqah pengajian atau program semata-mata. Ia adalah usaha mewarnakan jiwa manusia. Ia meliputi aspek kerohanian, pengetahuan, akhlak, berharakah dan lain-lain.

3. Berbohong kerana menolak kefasadan dan mendapatkan maslahat. Imam Nawawi: “Hadith ini mengandungi hukum harus berbohong ketika dalam peperangan dan seumpamanya dan ketika ingin menyelamatkan diri daripada binasa sama ada dirinya atau orang lain. Iaitu diri yang diharamkan daripada dibunuh”.

Keadaan tersebut berterusan sehinggalah pada suatu hari dia bertembung dengan seekor binatang besar yang menghalang perjalanan orang ramai. Ketika itu, ghulam tersebut berkata: “Pada hari ini aku akan mengetahui adakah ahli sihir yang lebih afdal ataupun rahib yang lebih afdal”. Maka dia mengambil seketul batu lalu berdoa: “Ya Allah, sekiranya urusan rahib lebih Kamu sukai daripada urusan ahli sihir, maka bunuhlah binatang ini sehingga orang ramai dapat lalu lalang”. Dia pun melontarnya, maka binatang tersebut mati dan orang ramai dapat lalu lalang.

Kefahaman

1. Doa ghulam hanyalah untuk membulatkan keyakinan sepertimana permintaan Nabi Ibrahim (al-Baqarah:260).
Buktinya:
 1. Dia tetap teruskan hubungan walaupun tahu risikonya.
 2. Berdoa dengan menyebut : Ya Allah. Bukan dengan nama raja atau ahli sihir.
 3. Keramat yang **diminta** hanya mampu diberikan oleh Allah sahaja.
 4. Dia mendahulukan sebutan: “urusan rahib lebih kamu sukai”. Bukan: “urusan ahli sihir lebih kamu sukai”.
2. Ambil anak batu: Ambil sebab adalah penting dan wajib. Contoh kisah Maryam dalam surah Maryam ayat 25.

3. Prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan cuba menyelesaikannya. *“Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah dan beribadat kepada Tuhan kamu serta kerjakanlah amal-amal kebajikan supaya kamu berjaya”*. (al-Hajj:77)
4. Usul ke 13: **“Mencintai orang-orang salih, menghormati dan memuji mereka disebabkan amal salih yang diketahui mereka lakukan adalah perkara yang mendekatkan diri kepada Allah. Para wali Allah pula ialah mereka yang disebut di dalam firmanNya: Iaitu orang-orang yang beriman dan mereka pula sentiasa bertakwa”**. (Yunus: 63). **Keramat untuk mereka adalah sabit** berdasarkan kepada syarat-syarat yang dinyatakan oleh syarak dengan meyakini bahawa mereka tidak dapat mendatangkan manfaat atau mudarat kepada diri mereka semasa hidup dan selepas mati, lebih-lebih lagi kepada orang lain.

فأتى الراهب فأخبره فقال له الراهب أي بني انت اليوم
أفضل مني قد بلغ من أمرك ما أرى

*Lalu dia menceritakan peristiwa tersebut kepada rahib.
Maka rahib berkata: Wahai anakku, kamu pada hari ini
adalah lebih baik daripadaku. Sesungguhnya aku melihat
bahawa urusanmu telah sampai pada satu peringkat”.*

Kefahaman

1. Sekali lagi bab istisyar. Pentingnya ukhuwah, thiqah, mengambil berat, berkata benar, berterus-terang dan telus antara murabbi dan mutarabbi.
2. “Wahai anakku” menunjukkan nilai kasih sayang.

3. “Kamu lebih baik...” tidak dituturkan kecuali orang yang **ikhlas**, faham dan mampu menilai sesuatu dengan tepat. Kadang-kadang orang yang dididik lebih mampu untuk menyampaikan dakwah.

Pengajaran Dari Sudut Dakwah

1. Bahaya penyakit hati.

“Seseorang tidak suka menjadi ketua melainkan dia suka menyebut kekurangan dan keaiban orang lain untuk menjadikan dia sahaja yang sempurna dan dia benci orang lain menyebutkan kepadanya kebaikan seseorang. Sesiapa yang terlalu inginkan kepada menjadi ketua, maka kebajikannya telah mengucapkan selamat tinggal kepadanya.” Fudhail

Antara penyakit hati yang hampir serupa dengan penyakit suka jadi ketua:-

1. Ujub.
2. Sukakan pujian.
3. Puji diri sendiri
4. Mencela diri sendiri di hadapan orang lain.
5. Menyebut keaiban kawannya.

وَإِنَّكَ سَتُبْتَلَىٰ

“dan kamu akan diuji”

Kefahaman

1. Ujian adalah sebahagian dari tabiat jalan dakwah.

Apakah kamu menyangka bahawa kamu akan memasuki syurga padahal belum nyata kepada Allah orang-orang yang berjihad di antara kamu dan orang-orang yang sabar? (Ali Imran:142)

2. Ujian terbahagi kepada dua:

1. Fardi: Berlaku bukan ketika berhadapan dengan kekuatan kebatilan.

2. Jamaie: Berlaku ketika berhadapan dengan kebatilan. Contoh:

1. Serangan media massa
2. Ugutan
3. Penipuan
4. Seksaan
5. Penjara
6. Buang daerah
7. Harta dirampas
8. Bunuh

فإن ابتليت فلا تدل عليّ

Sekiranya kamu diuji, maka janganlah kamu menceritakan tentang aku

Kefahaman

1. Daie perlu dijaga, di mana mereka adalah modal dan pelopor dakwah, daripada dihapuskan. Menjaga rahsia dan berhati-hati (hazar) adalah antara aspek terpenting untuk menjaga dakwah dan pendokongnya.
2. Musuh menggunakan cara kerja rahsia walaupun mereka berkuasa.
3. Kisah Hatib bin Abi Baltaah
4. Merahsiakan bukan bermakna rahib penakut.

5. Selepas mengambil langkah-langkah berhati-hati (hazar), kadang-kadang Allah menentukan sesuatu di luar perancangan. Contohnya Suraqah bin Malik yang berjaya mengesan Rasulullah dan Abu Bakar.
6. Bezakan antara menjaga kerana peribadi dengan menjaga kerana mereka adalah pembawa obor dakwah.

Pengajaran Dari Sudut Dakwah

1. Kerahsiaan dan tidak rahsia adalah isu relatif.
2. Masalah dakwah adalah lebih utama daripada masalah peribadi dan di situ terletaknya sama ada berahsia atau terbuka.
3. Wajib berdakwah walau dalam keadaan berahsia.

Ghulam mempunyai kebolehan untuk mengubati penyakit buta semenjak lahir, sopak dan dia juga mngubati berbagai-bagai lagi penyakit. Seorang pembesar raja yang buta telah mendengar berita ini. Maka pembesar itu telah mendatangi ghulam dengan hadiah yang banyak lalu berkata: Apa yang ada di sini adalah kepunyaanmu jika kamu dapat menyembuhkan butaku. Ghulam menjawab: Aku tidak boleh menyembuhkan sesiapaapun. Yang menyembuhkan hanyalah Allah. Jika kamu beriman, aku akan berdoa kepadaNya. Maka pembesar itu beriman, lalu Allah menyembuhkan penyakitnya.

Kemudian pembesar itu mendatangi raja. Raja pun berkata: Siapakah yang telah mengembalikan penglihatanmu? Jawabnya: Tuhanku. Raja bertanya: Kamu ada tuhan selainku? Dia menjawab: Tuhanku dan tuhanmu ialah Allah.

Beliau terus-menerus disiksa sehinggalah beliau menceritakan tentang ghulam. Maka ghulam pun dibawa mengadap. Maka raja berkata: Wahai anakku. Sesungguhnya sihir kamu telah sampai ke peringkat dapat menyembuhkan penyakit buta, sopak dan berbagai lagi yang kamu lakukan. Ghulam menjawab: Aku tidak boleh menyembuhkan sesiapaupun. Yang menyembuhkan hanyalah Allah. Maka dia pun diazab. Dia terus-menerus diazab sehinggalah dia menceritakan tentang rahib.

Maka rahib dipanggil lalu dikatakan kepadanya: Tinggalkan agamamu. Rahib enggan berbuat demikian lalu di bawa gergaji dan diletakkan di tengah-tengah kepalanya sehinggalah tubuhnya terbelah dua.

Kemudian dibawa pembesar di raja dan dikatakan kepadanya: Tinggalkan agamamu. Dia enggan lalu diletakkan gergaji di tengah-tengah kepalanya sehinggalah tubuhnya terbelah dua.

Pengajaran Dari Sudut Dakwah

1. Menghubungkan kerja kebajikan dengan persoalan iman dan aqidah yang sah.
2. Gerak kerja umum dakwah hendaklah bertumpu kepada perubahan kefahaman terhadap aqidah yang sah dan beriltizam dengannya tanpa mengundang pertembungan.
3. Memahami dan memenuhi keperluan manusia adalah pintu dakwah yang terbuka luas.

4. Kurniaan Allah dengan kelebihan tidak seharusnya kita jadi ghurur.
5. Para daie mesti menggunakan cara terbaik dalam menyampaikan dakwah, menggunakan kelebihan yang dikurniakan Allah untuk mempengaruhi orang lain.
6. Doa penting dalam perjalanan dakwah.
7. Keimanan dan hasil tarbiyah tidak seharusnya menyebabkan daie mengundurkan diri dari posisinya dalam masyarakat kerana ia berada di pihak yang benar sepertimana yang dilakukan oleh pembesar raja.
8. Tabiat toghut ialah bongkak dan takabbur serta tidak akan tunduk pada rasional, hakikat kebenaran.

9. Toghut biasa akan menggunakan penghukuman tanpa bicara. Penyeksaan adalah cara untuk mendapatkan maklumat.
10. Setiap daie sepatutnya memberi kemaafan sesama mereka jika ujian mengatasi tahap kemampuan.
11. Tabiat pertembungan dengan kebatilan mesti difahami dan disedari betul-betul. Ia adalah pertembungan aqidah walau banyak alasan-alasan yang lain.
12. Pentingnya rakyat mengenali daie dan dakwahnya ketika ujian. Toghut tidak akan memandang serius terhadap pendapat orang-ramai jika mereka rasa terancam.

Selepas itu ghulam dipanggil dan dikatakan kepadanya: Tinggalkan agamamu. Dia enggan llu dia diserahkan kepada sekumpulan tentera raja. Raja berkata: Pegilah kamu semua membawanya ke bukit yang bernamasekian-sekian. Dakilah ia. Apabila kamu sampai ke kemuncaknya, jika dia tidak meninggalkan agamanya (maka jangan apa-apakan dia), jika tidak, maka campakkanlah ia. Mereka pun pergi membawanya dan mendaki bukit tersebut. Maka ghulam pun berdoa: Ya Allah. Selamatkanlah aku dengan apa cara yang Kamu suka. Maka bukitpun bergoncang dan mereka semua jatuh. Ghulam pun pulang menemui raja. Aja berkata kepadanya: Apakah yang telah dilakukan oleh kawan-kawanmu. Dia menjawab: Allah telah menyelamatkan aku daripada mereka. Lalu dia dihantar...

Pengajaran Dari Sudut Dakwah

1. Hubungan yang terjalin antara daie dan masyarakat penting dan berguna ketika ujian.
2. Cara bunuh adalah cara yang diwarisi oleh toghut sekarang dari toghut dahulu.
3. Senjata daie ketika ujian sebegitu ialah menyerahkan segala-galanya kepada Allah, mengingatiNya dan berdoa.
4. Terus melakukan usaha dakwah selepas melalui satu-satu ujian. Ujian tidak boleh memberhentikan daie.

Kemudian dia berkata kepada raja: Sesungguhnya kamu tidak boleh membunuh aku sehingga kamu melakukan apa yang aku suruh. Raja berkata: Apakah dia? Ghulam menjawab: Kamu kumpulkan orang ramai di suatu kawasan lapang dan kamu salibkan aku pada sebatang pokok. Kemudian kamu ambil anak panahku daripada bekasnya, dan letakkan pada busanya. Selepas itu sebutlah: Dengan nama Allah, Tuhan ghulam ini. Kemudian panahlah aku. Sekiranya kamu melakukan begitu, kamu boleh membunuhku. Maka raja pun mengumpulkan orang ramai di suatu kawasan lapang, menyalibnya pada sebatang pokok, kemudian mengambil anak panah kepunyaan ghulam daripada bekasnya dan meletakkannya pada busarnya. Selepas itu raja berkata: Dengan nama Allah, Tuhan ghulam sambil melepaskan anak panah menuju sasarannya.

Anak panah tersebut kena pada bahagian di antara mata dan telinga ghulam lalu dia meletakkan tangannya pada tempat panahan dan meninggal. Orang ramai pun berkata: Kami beriman dengan Tuhan ghulam. Maka dikatakan kepada raja: Apakah tuanku tidak melihat apa yang tuanku takutkan selama ini telah berlaku, manusia telah beriman. Raja pun memerintahkan agar digali parit dan dinyalakan api di dalamnya. Raja berkata: Sesiapa yang tidak kembali kepada agama asalnya, maka hancurkan dia ke dalamnya. Mereka pun melaksanakan perintahnya sehingga datang giliran seorang perempuan dengan membawa bayi. Dia berhenti kerana takut untuk terjun ke dalam api. Lalu bayinya berkata: Wahai ibu, bersabarlah, sesungguhnya ibu berada di atas kebenaran.

Pengajaran Dari Sudut Dakwah

1. Raja mengikut arahan ghulam. Apabila Allah menghendaki, Ia akan mengembalikan tipudaya musuh ke tengkuk mereka sendiri.
2. Kelemahan kebatilan sekalipun mempunyai segala kekuatan ketika mereka buntu.
3. Ghulam yang merupakan daie memiliki tiga ciri utama:-
 1. Kecerdikan. Dapat menilai kekalahan jiwa musuh.
 2. Merasai kebersamaan Allah dan ia di pihak benar.
 3. Memahami kemajuan dakwah diukur kepada berimannya orang ramai.
4. Ghulam meninggal tanpa sempat melihat hasil usaha dan pengorbanannya.

5. Kesudahan kisah, bukan pada zahirnya:-

1. Nilaiian sebenar pada neraca Allah ialah aqidah.
2. Medan pertembungan bukan di bumi semata-mata dan mereka yang menyaksikannya bukan manusia sahaja.
3. Kesudahan dakwah ada pelbagai bentuk.

Siapa Hero Dalam Kisah Ini?

- ◆ Setiap orang mempunyai peranannya.
 - Rahib: pengasas, murabbi, perancang.
 - Ghulam: pendakwah, berdepan masyarakat dan raja.
 - Pembesar: Orang pertama berdepan dengan raja dan pembesar-pembesar.
 - Ashabul Ukhdud: lelaki dan wanita mempertahankan aqidah dan menyebelahi dakwah.